

Pas peralat wanita raih undi: PM

BH - 5 JUN 2000

Oleh Mutazar Abd Ghani & Ridzuan Yop

GEORGETOWN, Ahad – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan tindakan Pas memeralatkan wanita dalam parti itu untuk kepentingan meraih undi bagi calon lelaki dalam pilihan raya, bertentangan dengan ajaran Islam.

Perdana Menteri berkata, tindakan Pas herhubung isu calon wanita itu satu penipuan dan hipokrasi kerana sementara mereka tidak memberi peluang kepada wanita menjadi calon, golongan itu diperalatkan untuk mendapatkan undi.

“Ini adalah satu cara hipokrasi. Di satu pihak, kita kata... tak boleh terbahit dan di pihak yang lain, kita nak gunakan wanita untuk mendapatkan sokongan bagi calon lelaki Pas.

“Inisemua bertentangan

dengan ajaran Islam,” katanya kepada pemberita selepas beliau mengadakan lawatan peribadi ke beberapa tempat di sekitar Pulau Pinang, hari ini.

Beliau mengulas gesaan Dewan Muslimat Pas pada muktamar tahunannya di Kuala Terengganu yang mahu pucuk pimpinan parti itu menimbangkan cadangan memberi peluang kepada calon wanita yang berpotensi untuk bertanding pada pilihan raya akan datang.

Dr Mahathir berkata, Pas tidak harus membenarkan wanita menjadi calon pada pilihan raya jika parti itu benar-benar memegang kepada kepercayaan dan prinsipnya.

Terdahulu itu, Dr Mahathir mengadakan lawatan ke Empangan Teluk Bahang, Taman Buah-Buahan Tropi-

ka di Teluk Bahang dan beberapa zon warisan di sekitar Georgetown, termasuk Lebuhraya Acheh dan ‘The Garage’, iaitu pusat jualan pelbagai cenderamata.

Turut serta dalam lawatan itu, isteri beliau, Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon; Timbalan Ketua Menteri, Datuk Dr Hilmi Yahaya; dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Khalid Ramli.

Sementara itu, ditanya mengenai pandangannya selepas agak lama tidak melawat Pulau Pinang terutama aspek kebersihan, Dr Mahathir berkata beliau melihat banyak perubahan berlaku di negeri ini terutama usaha pemuliharaan bangunan warisan.

“Saya dapati beberapa tempat amat menarik seperti di

Lebuhraya Campbell yang dijadikan tempat pejalan kaki serta dalam bandar seperti usaha pemuliharaan bangunan lama untuk dijadikan ‘The Garage’.

Saya harap projek mem-

bina dan mengekal bangunan warisan di Pulau Pinang dapat dikekalkan,” katanya.

Dari aspek kebersihan pula, Perdana Menteri berkata, keadaannya juga sudah

banyak berubah tetapi ada tempat yang kebersihannya boleh dipertingkatkan lagi.

“Saya tidak pernah puas hati di mana-mana juga saya pergi. Selalunya saya hendak le-

bih lagi, tetapi yang penting kemajuan sudah dicapai,” katanya sambil berharap keadaan itu bukan saja menjadi tanggungjawab pihak berkuasa tetapi orang ramai.